

25/07/1999

Putrajaya pemangkin utama gerak pembangunan

SEPANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Putrajaya akan menjadi pemangkin utama untuk menggerakkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitarnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat percaya Putrajaya bukan pembaziran, tetapi ia boleh turut membantu Negeri Sembilan dan Melaka menjadi maju dalam tempoh terdekat.

Malah, Abdullah meramalkan Putrajaya, Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dianggap projek mega membabitkan ratusan juta ringgit akan menjadi lebih maju daripada Lembah Klang.

"Dulu apabila kita bina Kuala Lumpur, kesannya ialah Petaling Jaya turut makmur. Apabila Shah Alam jadi pusat pentadbiran Selangor, kawasan sekitarnya turut maju.

"Begitulah juga keadaan apabila kerajaan hendak majukan Tiga Segi Jengka di Pahang. Sekarang lihatlah kesan kewujudan Jengka kepada kawasan di situ dan sekitarnya.

"Dan, inilah yang akan berlaku kepada Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA. Kesan pembangunan ini akan dinikmati oleh Negeri Sembilan dan Melaka.

"Tapi, Pas kata mereka nak lelong Putrajaya. Ini yang saya tak faham. Bagi orang yang pandang positif, mereka nampak peluang melimpah-limpah. Peluang untuk majukan kawasan di sini," katanya ketika pada majlis menandatangani perjanjian jual beli rumah kos rendah Kota Warisan di antara Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Gema Padu Sdn Bhd di sini, semalam.

Pas sebelum ini mahu melelong semua bangunan di Putrajaya, termasuk rumah kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada raja-raja terkaya di dunia.

Parti pembangkang berkenaan juga dilapor mahu menyewakan semua projek mega di negeri ini bagi mengelak kerugian besar.

Pada masa sama, Abdullah berkata, semua pihak harus faham bahawa lebih 90 peratus daripada bahan binaan di Putrajaya adalah buatan tempatan dan ini menggerakkan sektor binaan.

"Ini juga bermakna ia dibeli daripada syarikat tempatan. Apabila ini berlaku, peluang pekerjaan bertambah banyak. Menerusi cara ini juga ekonomi dapat digerakkan," katanya.

(END)